



ARAHAN PENTADBIRAN JABATAN PEGUAM NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2016

TATACARA TUNTUTAN PERJALANAN DAN SYARAT-SYARAT TUNTUTAN PERJALANAN BAGI KUMPULAN PELAKSANA DALAM MENJALANKAN TUGAS RASMI DI BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG DIBEKALKAN DENGAN MOTOSIKAL RASMI DAN KENDERAAN RASMI JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC)

Tujuan

1. Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai tatacara berkaitan dengan tuntutan perjalanan bagi anggota Kumpulan Pelaksana di Bahagian-Bahagian Jabatan Peguam Negara (AGC) yang telah dibekalkan dengan Motosikal/Kenderaan Rasmi Jabatan dan syarat-syarat tuntutan perjalanan bagi menjalankan tugas rasmi.

Objektif

2. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 (Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam) dan Pekeliling/Surat Perbendaharaan yang lain berkaitan dengan perbelanjaan berhemat yang sedang berkuat kuasa, arahan ini dikeluarkan sebagai langkah

untuk mengawal perbelanjaan AGC serta untuk memperkemas lagi prosedur permohonan tuntutan perjalanan anggota Kumpulan Pelaksana Bahagian-Bahagian di AGC yang dibekalkan dengan Motosikal/Kenderaan Rasmi Jabatan agar seiring dengan seruan Kerajaan supaya mengamalkan perbelanjaan berhemat dan terkawal.

3. Arahan ini juga adalah sebagai panduan untuk penggunaan Motosikal/Kenderaan Rasmi Jabatan yang telah disediakan secara optimum seiring dengan perbelanjaan berhemat Kerajaan.

Pelaksanaan

4. Tatacara Tuntutan Perjalanan Untuk Tugas Rasmi

- (a) Bagi tujuan pelaksanaan, semua anggota Kumpulan Pelaksana Bahagian-Bahagian di AGC yang telah dibekalkan Motosikal/Kenderaan Rasmi Jabatan adalah tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan perjalanan bagi tugas-tugas penghantaran surat/dokumen di dalam kawasan Putrajaya melainkan kelulusan Ketua Bahagian telah diperolehi terlebih dahulu.
- (b) Bagi tugas rasmi penghantaran surat/dokumen rasmi di luar kawasan Putrajaya, arahan yang berikut hendaklah dipatuhi:
 - (i) pengangkutan ke tempat penghantaran surat/dokumen rasmi di luar kawasan Putrajaya hendaklah menggunakan Kenderaan Rasmi Jabatan yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan melalui tempahan *e-vehicle system* (intranet) atau permohonan melalui e-mel;
 - (ii) anggota Kumpulan Pelaksana Bahagian-Bahagian di AGC yang menggunakan kenderaan sendiri atau menuntut tambang teksi ke tempat penghantaran di luar Putrajaya tidak dibenarkan untuk membuat

tuntutan elaun perjalanan kenderaan atau tambang teksi; dan

- (iii) sekiranya Unit Kenderaan, Bahagian Pengurusan tidak dapat menyediakan kenderaan kerana telah digunakan bagi tujuan rasmi yang lain atau atas sebab-sebab tertentu dan Kumpulan Pelaksana tersebut perlu menggunakan kenderaan sendiri/teksi, maka kelulusan penggunaan kenderaan sendiri/tambang teksi hendaklah diperolehi daripada Ketua Bahagian terlebih dahulu. Pegawai Penyelia Kenderaan atau Setiausaha Pejabat di Bahagian-Bahagian hendaklah memantau penggunaan kenderaan atau tuntutan perjalanan Kumpulan Pelaksana di Bahagian masing-masing.


5. Syarat-syarat Tuntutan Perjalanan Kumpulan Pelaksana Bagi Menjalankan Tugas Rasmi Menghantar Surat/Dokumen Rasmi AGC di dalam kawasan Putrajaya

- (a) Bagi tujuan untuk penghantaran surat/dokumen rasmi di dalam kawasan Putrajaya:
- (i) tuntutan perjalanan menggunakan tambang teksi dan kenderaan sendiri tidak dibenarkan melainkan kelulusan Ketua Bahagian telah diperolehi terlebih dahulu;
 - (ii) Motosikal/Kenderaan Rasmi Jabatan yang telah dibekalkan kepada setiap Bahagian perlu digunakan; dan
 - (iii) **penggunaan kenderaan sendiri atas sebab-sebab tertentu perlu mendapat kelulusan Ketua Bahagian masing-masing terlebih dahulu.**

- (b) Semua tuntutan perjalanan di dalam kawasan Putrajaya bagi Kumpulan Pelaksana yang menjalankan tugas rasmi penghantaran surat/dokumen hendaklah dikemukakan kepada Unit Pentadbiran, Seksyen Inovasi dan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan untuk disemak oleh Ketua Penolong Pengarah (Unit Pentadbiran) atau Penolong Pengarah (Unit Pentadbiran) sebelum diangkat kepada Ketua Bahagian masing-masing untuk kelulusan.

Tarikh Kuat Kuasa

6. Arahan ini berkuat kuasa serta-merta.



(TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHAMED APANDI BIN ALI)

Peguam Negara Malaysia

/ Mac 2016